KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	24/12/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	PERHILITAN			

PERKASAKAN SUARA MALAYSIA

Sebanyak 350kg karkas babi hutan dan 3.5kg karkas musang dirampas

PGA rampas karkas babi hutan, musang

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

RANTAU PANJANG

Batalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA) Pengkalan Chepa berjaya merampas 350 kilogram (kg) karkas babi hutan dan 3.5kg karkas musang bernilai RM8,855 selepas menahan seorang lelaki di tepi jalan Kampung Bukit Nangka, Tanah Merah pada Rabu.

Pegawai Pemerintah Medan PGA, Superintendan Azhari Nusi berkata, lelaki berusia 54 tahun itu ditahan kira-kira jam 3.30 petang semasa anggota pasukan tersebut melakukan rondaan rutin.

"Semasa melakukan rondaan, anggota bertugas telah terserempak dengan sebuah kereta Proton Wira yang dipandu dalam keadaan mencurigakan," katanya ketika dihubungi pada Khamis.



Karkas babi hutan dan karkas musang yang ditemui dalam bonet sebuah kereta milik seorang lelaki yang berjaya ditahan oleh Batalion 8 PGA Pengkalan Chepa di tepi jalan Kampung Bukit Nangka.

Menurutnya, sejurus kereta itu ditahan, anggota PGA telah membuat pemeriksaan dan menjumpai karkas babi hutan dan musang di dalam but kenderaan tersebut.

Beliau berkata, semasa ditahan, suspek gagal mengemukakan dokumen sah untuk membawa barangan berkenaan dan siasatan awal mendapati bekalan karkas babi hutan serta musang itu dipercayai mahu diseludup ke negara jiran.

Dalam perkembangan lain, Azhari berkata, Batalion 8 PGA Kuantan turut merampas 275 biji pil yaba dan syabu 0.8 gram selepas menahan tiga lelaki berusia antara 19 hingga 29 tahun yang menaiki kereta semasa melalui sekatan jalan raya (SJR) di Lalang Pepuyu, Tanah Merah pada Rabu.

"Hasil pemeriksaan ke atas kenderaan itu telah menemui pil yaba dan syabu di dalam *dashboard* kereta tersebut," katanya.